

**PEMBUBARAN PERKAHWINAN  
KERANA DARAR DAN SYIQĀQ :  
KAJIAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**MOHAMAD HADI BIN HJ. AHMAD TALHAH**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA  
BAHAGIAN II (SECARA BERKURSUS DAN  
DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

## **DEDIKASI**

Kutitipkan ungkapan ini teristimewa buat.....

Ayah dan bonda tercinta  
Jasamu berdua tidak terkira  
Akan kubalas seberapa daya  
Kudoakan mendapat petunjuk sentiasa  
Moga dirimu berdua dalam rahmat Allah dan *maghfirah*-Nya

Guru-guruku yang dihormati  
Mendidik dan membimbing diriku ini  
Pengorbanan kalian kusanjungi  
Akan kuukir sebuah kejayaan sebagai bukti

Isteriku yang dikasihi  
Dirimu sentiasa diingati  
Mendorong dan membantu suamimu ini  
Mengharungi dan menempuh perjuangan suci  
Kupanjatkan kehadrat Ilahi  
Moga dirimu sentiasa diredaya dan dirahmati  
Kejayaan bersama dimiliki dan dinikmati  
*Duniawi dan ukhrawi*

Putera-puteriku yang belum mengerti  
Bersama gelak tangis kalian kugagahi diri  
Menghadapi perjuangan ini  
Kalian bakal penerus cita-cita suci  
Justeru itu, kuhadiahkan disertasi ini

Ya Allah! Ya Rabbi!  
Kepada-Mu jua aku menyerah diri  
Tanda kesyukuran sebagai abdi  
Tiada apa yang kumiliki  
Melainkan apa yang Engkau beri  
Sesungguhnya rahmat-Mu tiada bertepi  
Redai daku.....  
Bimbangilah daku.....

## ABSTRAK

*Darar* dalam rumah tangga berlaku apabila hak-hak individu dicabuli, diderai dan disakiti samada ia berbentuk fizikal, jiwa, mental dan seksual. *Syiqāq* pula adalah persengketaan atau krisis yang berpanjangan antara pasangan suami isteri. *Darar* dan *syiqāq* merupakan dua faktor penting yang mengharuskan pembubaran perkahwinan dalam Islam. Tujuan utama kajian ini ialah menilai sejauh mana pandangan fuqaha' tentang pembubaran perkahwinan kerana *darar* dan *syiqāq* dalam perundangan Islam dan sejauh manakah ia berlaku di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut peruntukan dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Peruntukan akta banyak persamaan dengan apa yang digariskan ulama' muktabar. Jelasnya peruntukan pembubaran perkahwinan merupakan salah satu peruntukan untuk memberi perlindungan bagi golongan wanita terutamanya.

## **ABSTRACT**

*Darar* in a matrimonial relation takes place when personal right is physically, spiritually, mentally and sexually abused. *Syiqāq* is a long crisis between the married couple. *Darar* and *syiqāq* are two important factors that legitimized the invalidation of a matrimony contract in Islam. The study aims to analyse the views of Islamic Scholars of Jurisprudence with regard to the invalidation of matrimony contract out of *darar* and *syiqāq* and to look at its implementation in the Islamic Juristic Court of The Federal Territory Kuala Lumpur under the Islamic Family Act of The Federal Territories 1984 (Act 303). Many similarities are discerned between the act and what established by authentic muslim scholars. Clearly, the nullification of a matrimonial contract is a provision that considers special protection for women.

## SINOPSIS KAJIAN

Pembubaran Perkahwinan Kerana *Darar* dan *Syiqāq*: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSWPKL) adalah merupakan kajian penulis terhadap kes *darar* dan *syiqāq* berdasarkan teori fiqh dan undang-undang. Kajian secara undang-undang dilakukan di MSWPKL berdasarkan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).

Kandungan disertasi ini dibahagikan kepada enam bab. Dalam bab pertama, penulis menjelaskan tentang pembubaran perkahwinan menurut hukum syarak secara umum. Dalam bab kedua, memaparkan bentuk-bentuk *darar* dan pandangan-pandangan fuqaha' tentang pembubaran perkahwinan yang berlaku kerana *darar*. Dalam bab ketiga, memaparkan berkenaan *syiqāq*, penyelesaiannya dan termasuk perkara *takhīm*. Dalam bab keempat, penulis menjelaskan *darar* dari segi undang-undang keluarga Islam di Wilayah Persekutuan. Dalam bab kelima, menjelaskan timbangtara oleh *hakam* di sudut undang-undang keluarga Islam Wilayah Persekutuan yang berkaitan dengan *syiqāq* dan prosedur perjalanan kes *syiqāq* di MSWPKL. Dalam bab terakhir, penulis membuat kesimpulan dan saranan hasil daripada kajian yang diperolehi.

## SYNOPSIS OF RESEARCH

The invalidation of matrimony contract out of *darar* and *syiqāq*: A Base Study in the Islamic Juristic Court of the Federal Territory Kuala Lumpur (MSWPKL), is an investigation over *darar* acts and *syiqāq* with respect to theories in the Islamic Jurisprudence and the Malaysian Law. The legal study is based on The Islamic Family Law of The Federal Territories 1984 (Act 303).

The study consists of six chapters. In the first chapter, the researcher discloses a general views of Islamic Jurisprudence with regard to the invalidation of matrimony contract. In the second chapter, the researcher presents various types of *darar* and the views of Islamic Scholars of Jurisprudence on the validation of matrimony contract as the impact of *darar* act. Chapter three presents the issue of *syiqāq*, its solution and regarding arbitration, In the chapter four, the researcher explains on *darar* with respect to Islamic Family Law of The Federal Territory. In the chapter five the researcher explains the appraisal of Judges as in The Islamic Family Law of The Federal Territory with regard to *syiqāq* and the case procedure for *syiqāq* in MSWPKL. In the last chapter, the researcher makes some conclusions and suggestion out of his study.

## ملخص البحث

الضرر في العلاقة الزوجية يكون عند انتهاء الحقوق الشخصية وإيذانها جسداً وروحاً وعقلاً وجنساً. وأما الشقاق فهو نزاع مستمر وأزمة متواصلة بين الزوجين. ويعتبر الضرر والشقاق عاملين مهمين اللذين يجوز بهما فسخ عقد الزواج الإسلامي. تهدف هذه الدراسة إلى تحليل آراء الفقهاء إزاء فسخ عقد الزواج بسبب الضرر والشقاق ومدى تطبيقها في المحكمة الشرعية بولاية الفدرالية بكوالالمبور حسب قانون الأحوال الشخصية الإسلامية في الولايات الفدرالية ١٩٨٤ (٣٠٣). هناك تطابق وفيه وبين المواد القانونية وبين ما حدده الفقهاء في المسألة. ويبدو أن جواز فسخ عقد الزواج أمر يخصص من أجل حماية النساء خاصة.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah di atas limpah dan kurnia-Nya serta kekuatan yang diberikan, penulis dapat menyiapkan penulisan disertasi ini sebagai sebahagian daripada keperluan kursus Ijazah Sarjana Syariah.

Sehubungan dengan itu, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Md. Salleh bin Hj. Md. @ Hj. Ahmad, seiaku penyelia yang telah membimbang, memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada penulis sepanjang penulisan ini disiapkan. Ungkapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah Akademi Pengajian Islam yang telah menabur bakti sepanjang penulis berada di persada ilmu ini.

Lafaz terima kasih diucapkan kepada Tuan Hj. Saarif bin Asron selaku Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah sudi ditemubual dan memberi kerjasama kepada penulis semasa membuat kajian kes-kes di mahkamah. Begitu juga kepada bekas hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tuan Hj. Mohammad b. Abdullah yang sudi ditemubual berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan MSWPKL.

Jutaan terima kasih juga teristimewa buat isteri tercinta Ummu Anas yang telah banyak mencurahkan masa, tenaga dan fikiran sejak dari awal penulis melangkah ke gerbang ijazah sarjana dan lebih-lebih lagi sebagai jurutaip utama penulisan disertasi ini. Sekalung penghargaan juga kepada adik ipar iaitu Ayah

Chik yang telah sudi membantu terutama ketika menghadapi masalah komputer. Seterusnya ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu penulis samada secara langsung mahupun tidak langsung untuk menyiapkan penulisan ini.

Akhir sekali, penulis memohon berbanyak-banyak kemaafan atas segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam penulisan ini. Semoga usaha yang kerdil ini menjadi suatu sumbangan berguna kepada semua. Penulis berdoa agar usaha ini diberkati dan dikira sebagai sebahagian daripada amal soleh.

Sekian, wassalam.

Mohamad Hadi bin Hj. Ahmad Talhah  
No. 80, Jalan Taman Gombak, Taman Gombak  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

1 Safar 1424  
3 April 2003

## ISI KANDUNGAN

### KANDUNGAN

### HALAMAN

DEDIKASI	III
ABSTRAK	IV
SINOPSIS KAJIAN	V
ABSTRACT	VI
SYNOPSIS OF RESEARCH	VII
ملخص البحث	VIII
PFNGHARGAAN	IX
ISI KANDUNGAN	XI
SENARAI KES	XVI
SENARAI KEPENDEKAN	XVII
PANDUAN TRANSLITERASI	XIX
SENARAI LAMPIRAN	XX
 PENDAHULUAN	 XXI
a) Latar Belakang Kajian	XXI
b) Objektif Kajian	XXIII
c) Masalah Kajian	XXIII
d) Skop Kajian	XXIV
e) Metodologi Kajian	XXV
f) Kajian Lepas	XXVII

### **BAB PERTAMA :**

### **PEMBUBARAN PERKAHWINAN MENURUT HUKUM SYARAK**

1

1.1. Pendahuluan	1
1.2. Definisi Pembubaran (Perceraian)	2
1.3. Istilah Perceraian Dalam Al-Quran	3
1.4. Istilah Perceraian Dalam Al-Sunnah	7
1.5. Mengapa Islam Membolehkan Pembubaran Perkahwinan	8
1.6. Hukum Pembubaran Perkahwinan	9
1.7. Pembahagian Pembubaran Perkahwinan	14

1.7.1. Konsep Fasakh	14
1.7.2. Perbezaan Antara Talak Dan Fasakh	17
i) Perbezaan Makna	17
ii) Perbezaan Istilah	17
iii) Perbezaan Kesan Terhadap Bilangan Talak	18
iv) Perbezaan Kewajipan Mahar	18
v) Perbezaan Tempat Berlaku	19
vi) Perbezaan Dari Sudut Berakhirnya Ikatan Suami Isteri	19
vii) Perbezaan Dari Sudut Berlakunya Talak Semasa 'Iddah	19
1.8. Kesimpulan	20
<b>BAB KEDUA :</b>	
<b>PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA DARAR</b>	21
2.1. Pendahuluan	21
2.2. Pengertian <i>Darar</i>	23
2.2.1. Pengertian Dari Segi Bahasa	23
2.2.2. Pengertian Dari Segi Istilah Syarak	23
2.2.3. Pengertian <i>Darar</i> Di Kalangan Ulama' Tafsir	24
2.2.4. Kaedah-Kaedah Fiqh Yang Berkaitan Dengan <i>Darar</i>	27
2.3. Bentuk-Bentuk <i>Darar</i> Dalam Perkahwinan	31
2.3.1. Penderaan	31
i) Penderaan Fizikal	31
ii) Penderaan Jiwa Dan Mental	32
iii) Penderaan Seksual	34
2.3.2. Tidak Memberi Nafkah	34
2.3.3. Suami Buruk Perlakuan	34
2.3.4. Kecacatan (Keaiban)	35
2.3.5. Suami Hilang	35
2.3.6. Suami Dipenjarakan	35
2.3.7. Penyakit Merbahaya	36
2.4. Hukum Pembubaran Perkahwinan Kerana <i>Darar</i> Menurut Pandangan Fuqaha'	38
2.4.1. Pembubaran Perkahwinan Kerana Keaiban (Kecacatan)	38
2.4.2. Pembubaran Perkahwinan Kerana Tidak Memberi Nafkah	44
2.4.3. Pembubaran Perkahwinan Kerana Ghaib (Hilang)	52
2.4.4. Pembubaran Perkahwinan Kerana Dipenjarakan	58
2.4.5. Pembubaran Perkahwinan Kerana Penganiayaan	59
2.5. Kesimpulan	65

<b>BAB KETIGA :</b>	
<b>PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA <i>SYIQĀQ</i></b>	66
3.1. Pendahuluan	66
3.2. Pengertian <i>Syiqāq</i>	67
3.2.1. Pengertian Dari Segi Bahasa	67
3.2.2. Pengertian Dari Segi Istilah Fuqaha'	67
3.2.3. Pengertian Dari Segi Istilah Ulama' Tafsir	67
3.3. Tatacara Menangani <i>Syiqāq</i> Antara Pasangan Suami Isteri	69
3.3.1. Pencegahan <i>Syiqāq</i>	70
i) Pengetahuan Pasangan Suami Isteri Tentang Hak Masing-Masing	70
ii) Suruhan Melakukan Pergaulan Yang Baik	70
iii) Peringatan Kepada Isteri Tentang Besarnya Hak-Hak Suami Ke Atas Isteri	71
iv) Apa Yang Patut Dilakukan Suami Ketika Isteri Melakukan <i>Nusyūz</i>	71
v) Menangani <i>Nusyūz</i> Suami	78
3.3.2. <i>Tahkīm</i>	83
i) Pengertian <i>Hakam</i>	84
ii) Dalil Pensyariatan <i>Tahkīm</i>	85
iii) Perbezaan Di Antara <i>Hakam</i> Dan <i>Hakim</i>	87
iv) Kelayakan <i>Hakam</i>	88
v) Perlantikan <i>Hakam</i>	93
vi) Taraf <i>Hakam</i>	97
vii) Keputusan <i>Hakam</i>	98
3.4. Kesimpulan	100
<b>BAB KEEMPAT :</b>	
<b>PERUNTUKAN <i>DARAR</i> DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR</b>	102
4.1. Pendahuluan	102
4.2. Peruntukan <i>Darar</i> Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)	102
4.2.1. Suami Hilang	102
4.2.2. Tidak Memberi Nafkah	103
4.2.3. Suami Dipenjarakan	104
4.2.4. Tidak Memberi Nafkah Batin	105
4.2.5. Mati Pucuk	106
4.2.6. Keaiban (Gila Dan Penyakit Berjangkit)	107
4.2.7. Suami Menganiayai Isteri	108

i)	Lazim Menyakiti Fizikal	108
ii)	Suami Berperangai Keji	108
iii)	Paksaan Lucah	109
iv)	Melupus Harta	110
v)	Larangan Melaksana Amalan Agama	111
vi)	Tidak Adil Dalam Berpoligami	112
vii)	Sengaja Tidak Menunai Nafkah Batin	112
viii)	Lain-lain Kes	113
4.3.	Laporan Kes <i>Darar</i> Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	114
4.4.	Senarai Kes Pembubaran Perkahwinan Kerana <i>Darar</i> Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	115
4.5.	Kesimpulan	124
<b>BAB KELIMA :</b>		
<b>PERUNTUKAN SYIQĀQ DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR</b>		125
5.1.	Pendahuluan	125
5.2.	Peruntukan <i>Syiqāq</i> Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)	125
5.2.1.	Perlantikan Dua Orang Penimbangtara Atau <i>Hakam</i> Oleh Mahkamah	125
5.2.2.	Perlantikan <i>Hakam</i> Diberi Keutamaan Kepada Saudara-Saudara Karib	126
5.2.3.	Arahan Mahkamah Kepada <i>Hakam</i>	126
5.2.4.	Pemecatan <i>Hakam</i>	127
5.2.5.	Kuasa <i>Hakam</i>	129
5.2.6.	Perintah Bercerai	130
5.3.	Prosedur Perjalanan Kes <i>Syiqāq</i> Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	131
5.3.1.	Pendekatan Menangani Kes <i>Syiqāq</i>	131
5.3.2.	Prosedur Perjalanan Kes <i>Syiqāq</i>	132
5.4.	Kesimpulan	134
<b>BAB KEENAM :</b>		
<b>PENUTUP</b>		136
6.1.	Pendahuluan	136
6.2.	Kesimpulan	136

6.3. Saranan	138
6.3.1. Suami	139
6.3.2. Isteri	140
6.3.3. Ibu Bapa	141
6.3.4. Jabatan Agama	141
6.3.5. Media Massa	142
6.3.6. Mahkamah	142
6.3.7. Lain-lain	143

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN-LAMPIRAN**

## **SENARAI KES**

- 1) Saadiah bt. Mahmud Iwn. Marzuki b. Saat, kes Mal bil. 985/96
- 2) Mazlita bt. Zainol Harris Iwn. Mohd Rafiq Manglis b. 'Abdullah, kes Mal bil. 851/97
- 3) Norhasmah bt. Yusuf Iwn. Sani b. Basri, kes Mal bil. 1334/97
- 4) Sakinah bt. Mahmud Iwn. Paul John Pedersen @ Hafiz Pedersen b. 'Abdullah, kes Mal bil. 1424/98
- 5) Norhana bt. Mustapha Iwn. Wan Izahar b. Wan Man, kes Mal bil. 1446/98
- 6) Rahmah bt. Tan Idris Iwn. Zakaria b. Yaakob, kes Mal bil. 1610/98
- 7) Wan Ramlah bt. Wan Husin Iwn. Awang b. Hassan, kes Mal bil. 834/99
- 8) Mazlin bt. Md. Yasin Iwn. 'Abd. Rahim b. Ismail, kes Mal bil. 1278/99

## **SENARAI KEPENDEKAN**

‘Abd.	:	‘Abdul
AIDS	:	Acquired Immune Deficiency Syndrome
AUKIWP	:	Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)
b.	:	Bin
bil.	:	Bilangan
bt.	:	Binti
c.	:	Cetakan
Dr	:	Doktor
GRO	:	Guest Relation Officer
h.	:	Halaman
hh.	:	Halaman-halaman
HIV	:	Human Immunodeficiency Virus
Hj.	:	Haji
Ibid	:	Ibidem
j.	:	Juzuk
JAKIM	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	:	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Jil.	:	Jilid
KESUMA	:	Pembangunan Keluarga Sosial dan Pengurusan Masjid
Lwn.	:	Lawan
Md.	:	Mad

Mohd	:	Mohammad
MSWPKL	:	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
No.	:	Nombor
op.cit.	:	Opera citato
PKT	:	Pihak Kena Tuduh
PM	:	Pihak Menuduh
Prof.	:	Profesor
r.‘a.	:	<i>Radiallāh ‘anh</i>
s.‘a.w.	:	<i>Sallallāh ‘alaih wasallam</i>
Sdn. Bhd.	:	Sendirian Berhad
Sek.	:	Seksyen
s.w.t.	:	<i>Subhānah wa ta ‘ālā</i>
T.P.	:	Tiada Penerbit
t.t.	:	Tiada Tahun
T.T.P.	:	Tiada Tempat Penerbit
UPPK	:	Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga

## PANDUAN TRANSLITERASI

<u>Rumi</u>	<u>Huruf Hijaiyyah</u>	<u>Rumi</u>	<u>Huruf Hijaiyyah</u>
A	ا	T	ط
B	ب	Z	ظ
T	ت	‘	ع
TH	ث	GH	غ
J	ج	F	ف
H	ح	Q	ق
KH	خ	K	ك
D	د	L	ل
DH	ذ	M	م
R	ر	N	ن
Z	ز	W	و
S	س	H	هـ
SY	ش	,	ء
S	ص	Y	يـ
D	ض	H	ڻـ

## **SENARAI LAMPIRAN**

- LAMPIRAN A : Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) Seksyen 48
- LAMPIRAN B : Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) Seksyen 52
- LAMPIRAN C : Borang Permohonan Fasakh
- LAMPIRAN D : Laporan Tahunan Kes Mal Tahun 1996
- LAMPIRAN E : Laporan Tahunan Kes Mal Tahun 1997
- LAMPIRAN F : Laporan Tahunan Kes Mal Tahun 1998
- LAMPIRAN G : Laporan Tahunan Kes Mal Tahun 1999
- LAMPIRAN H : Suami Ganas: Golongan Profesional Banyak Terlibat
- LAMPIRAN I : Lelaki Melayu Paling Ramai Mendera
- LAMPIRAN J : Kelemahan Isteri Jadi Mangsa Kerakusan Suami

## PENDAHULUAN

### a) Latar Belakang Kajian

Dalam kehidupan berumahtangga, persefahaman adalah antara faktor untuk melahirkan keluarga yang harmoni dan sejahtera. Suami sebagai pemimpin rumahtangga mesti bertanggungjawab menjaga dan memelihara keharmonian keluarga dengan memberi kasih sayang serta menunaikan segala keperluan dan hak dengan sewajarnya. Kegagalan menunaikan hak isteri dan anak-anak akan membawa kepincangan dan kemudaratan kehidupan keluarga.

Dewasa ini kita sering mendengar melalui media massa dan elektronik tentang kepincangan yang berlaku dalam rumahtangga muslim kesan daripada meninggalkan tanggungjawab. Antara kepincangan yang sering berlaku ialah penganiayaan fizikal dan mental seperti suami memukul serta bertindak ganas terhadap isteri. Kesan penderaan dan tindakan ini akan membawa kemudaratan kepada isteri serta akan memusnahkan keharmonian rumahtangga mereka. Tidak kurang juga berlakunya *syiqāq* atau persengketaan antara pasangan suami isteri dalam rumahtangga walaupun dikatakan krisis antara suami isteri itu adalah perkara lumrah, bak kata pepatah “sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri.”

Islam sebagai agama yang syumul dengan segala peraturan kehidupan menjadi panduan dan pedoman terhadap sebarang permasalahan. Secara prinsip, Islam melalui sumber wahyu al-Quran dan al-Sunnah telah memperuntukkan hukum pembubaran perkahwinan antara pasangan suami isteri. Seorang suami mempunyai hak menjatuhkan talak manakala isteri pula mempunyai hak

memohon fasakh sekiranya berlaku permasalahan dalam perkahwinan. Seorang isteri boleh mengemukakan fasakh sekira berlaku perkara-perkara yang boleh memudarangkan kehidupannya serta boleh memberi tekanan kepada jiwa dan mentalnya.

Banyak bentuk *darar* yang membolehkan isteri memohon melalui mahkamah untuk menfasakhkan perkahwinan mereka. Antaranya ialah suami sering memukul dan mendera, memaksa hidup secara lucah dan sebagainya kerana perkara-perkara tersebut boleh memudaratkan kehidupan isteri. Oleh kerana itu, adalah wajar seorang isteri mengetahui hak-hak mereka supaya diri mereka terbela dan dapat menyelamatkan diri mereka daripada terus didera dan dianiyai oleh suami yang tidak bertanggungjawab serta bertindak di luar batasan kemanusiaan.

Islam melarang sebarang tindakan yang boleh menimbulkan kemudaratkan terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, isteri mestilah tahu hak-hak mereka agar tidak dianiyai oleh suami yang tidak bertanggungjawab. Syariat Islam menyediakan peruntukan ini demi menghindarkan kemudaratkan kerana kemudaratkan wajib dihindarkan lebih-lebih lagi dalam kehidupan berumahtangga.

Islam juga secara jelas telah memberikan panduan kepada pasangan suami isteri apabila berlakunya *syiqāq* atau persengketaan antara mereka dengan dilantik dua orang *hakam* untuk mendamaikan mereka atau memisahkan mereka sekiranya tiada lagi jalan perdamaian. Bahkan Islam awal-awal lagi telah memberi panduan pencegahan *syiqāq* kepada pasangan suami isteri melalui pengetahuan mereka tentang hak-hak masing-masing.

### **b) Objektif Kajian**

Dalam membuat kajian ini, penulis telah menetapkan beberapa matlamat mengapa kajian ini perlu dilakukan. Antara objektif kajian ini ialah:

- i) Untuk mengetahui konsep pembubaran perkahwinan khususnya fasakh dan membuat perbandingan dengan peruntukan yang ditetapkan oleh syarak dengan peruntukan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) bagi melihat sejauh mana ia bersesuaian dengan hukum syarak.
- ii) Mengenal pasti kes-kes *darar* yang sering berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 1996 sehingga tahun 1999 dari segi jumlah, jenis kemudaratan serta apakah punca-punca berlakunya kes-kes tersebut.
- iii) Mengenal pasti kes-kes pembubaran perkahwinan kerana *syiqāq* di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- iv) Untuk mengetahui peranan *hakam* atau *tahkīm* menurut undang-undang di MSWPKL dalam menangani kes *syiqāq*.

### **c) Masalah Kajian**

Dalam kajian penulisan ini, penulis akan membincangkan permasalahan pembubaran perkahwinan kerana *darar* dan *syiqāq*. Penulis akan melihat sejauhmana pembubaran perkahwinan kerana *darar* dan *syiqāq* diharuskan menurut pandangan fuqaha' dan undang-undang keluarga Islam di Wilayah Persekutuan. Seterusnya penulis akan melihat sejauhmana pula ianya berlaku di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### d) Skop Kajian

Kajian ini dibuat berdasarkan pandangan fiqh Islam dan juga berpandukan peruntukan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Penulis membuat kajian berdasarkan kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu dari tahun 1996 sehingga 1999.

Penulis hanya menumpukan kepada sebab-sebab pembubaran perkahwinan atau fasakh yang boleh diputuskan oleh pihak hakim. Penulis tidak akan menyentuh fasakh yang berlaku secara automatik iaitu:

- i) Fasakh kerana menghimpunkan dua saudara perempuan dalam satu masa.
- ii) Fasakh kerana mengahwini saudara sesusu.
- iii) Fasakh kerana mengahwini perempuan di dalam '*iddah* suaminya.
- iv) Fasakh kerana mengahwini bekas isteri yang diceraikan talak tiga yang belum inengahwini lelaki lain.
- v) Fasakh kerana salah seorang suami isteri tidak memeluk agama Islam.

Penulisan ini menjurus kepada fasakh yang yang dibolehkan bagi pihak isteri memohonnya melalui mahkamah kerana *darar* yang dilakukan oleh pihak suami terhadap isteri. Ini bermakna penulis tidak akan membincangkan fasakh yang diharuskan ke atas suami menuntut ke mahkamah, disebabkan pihak lelaki telah ada kuasa *veto* di tangannya iaitu kuasa talak yang apabila ada masalah ia boleh bertindak mengikut kemahuannya. Ini berbeza dengan wanita, hanya fasakh sahaja lah hak bagi mereka untuk mendapat pembelaan dan menghindarkan kemudaratian.

Penulis juga membincangkan pembubaran perkahwinan kerana *syiqāq* di mana suami atau isteri boleh memohon pembubaran perkahwinan atas alasan *syiqāq* di mahkamah. Mahkamah akan melantik dua orang *hakam* sebagai badan pendamai dengan menyatukan atau memisahkan mereka dengan perintah kepada suami melafazkan talak satu terhadap isterinya.

#### e) Metodologi Kajian

Kajian ini terhasil melalui beberapa bentuk kaedah dan pendekatan. Bermula dengan penentuan permasalahan. Setelah permasalahan ditentukan, objektif kajian pula digariskan. Oleh itu isu dan masalah yang hendak dikaji adalah luas. Maka telah ditentukan skop kajian agar batasan perbincangan dapat dijelaskan dengan terperinci. Setelah menentukan skop kajian, langkah seterusnya ialah pengkaji mula mencari dan mengumpul data-data. Dalam pengumpulan data ini, penulis menggunakan beberapa kaedah iaitu:

#### Kaedah Dokumentasi

Bagi memantapkan kajian penulis menggunakan kaedah dokumentasi yang mana penulis membuat rujukan daripada al-Quran, kitab-kitab hadis, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab fiqh, kamus-kamus, kertas projek, jurnal-jurnal, akhbar, fail-fail mahkamah serta akta-akta yang berkaitan.

Sepanjang penulisan ini, penulis telah menggunakan beberapa buah perpustakaan sebagai tempat rujukan dan mendapatkan bahan-bahan kajian. Perpustakaan tersebut ialah:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.

- ii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- iii) Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya.
- iv) Perpustakaan Awam Pusat Islam.
- v) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- vi) Perpustakaan Penulis.

Bagi mendapatkan kes-kes pembubaran *darar* dan *syiqāq*, penulis telah merujuk dan menemubual Penolong Pendaftar di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Penulis juga mendapatkan laporan daripada Unit Kaunseling yang melibatkan keganasan rumah tangga di Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

### **Kaedah Wawancara Dan Temubual**

Penulis mengadakan sesi temubual dengan pihak-pihak yang terlibat di dalam mengendalikan kes-kes pembubaran kerana *darar* dan *syiqāq* di Wilayah Persekutuan. Antara mereka yang ditemuramah ialah Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Tuan Hj. Saarif b. Asron dan bekas hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Tuan Hj. Mohammad b. Abdullah. Daripada temubual ini, penulis mendapat data yang ditil dan tepat daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan pembubaran perkahwinan terutama kes-kes fasakh.

Setelah mengumpul banyak maklumat, kerja-kerja menganalisa data dan maklumat bermula. Selain menggunakan kaedah penghuraian fakta, penulis juga menggunakan penaksiran data-data yang diperolehi samada secara *primer* atau *sekunder*. Data-data ini dipersembahkan dalam bentuk perbandingan antara

hukum fiqh dan perlaksanaan undang-undang hari ini di Wilayah Persekutuan mengikut akta yang telah diperuntukkan.

Segala hasil dapatan dinilai dan dikaji secara terperinci agar perolehan kajian jelas dan pengkaji menemui keputusan dan penemuan kajian. Gabungan pendekatan yang diaplikasikan dirasakan sesuai untuk dibuat kesimpulan berhubung dengan kajian. Penulis yakin huraian dan analisa fakta-fakta ini dapat mempersempitkan isu dan permasalahan kajian dengan lebih berkesan lagi.

#### f) Kajian Lepas

Secara umumnya penulis mendapati para penulis kitab-kitab dahulu dan kemudian hanya memasukkan kajian pembubaran perkahwinan kerana *darar* dan *syiqāq* dalam sub tajuk kitab-kitab fiqh Islam. Dengan erti kata lain, penulis tidak mendapati kitab khusus yang hanya membicarakan pembubaran perkahwinan kerana *darar* dan *syiqāq*.

Manakala dalam latihan ilmiah dan tesis, penulis hanya mendapati kajian lepas yang hampir sama dengan kajian penulis seperti:

- i) Mohamad Saipudin Hassan, Fasakh Kerana Aib Dalam Sistem Kekeluargaan Islam: Satu Kajian Di Mahkamah Syariah Kota Bharu. Kajian tajuk ini hanya membincangkan fasakh kerana aib dalam sistem kekeluargaan Islam. Dari sudut lokasi kajian ini dibuat di Mahkamah Syariah Kota Bharu. Manakala dalam kajian penulis pula membincangkan pembubaran perkahwinan kerana *darar* yang merangkumi fasakh kerana aib dan lain-lain. Dari sudut lokasi kajian penulis dibuat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- ii) Faezah Abd. Rahman, Perceraian Fasakh: Satu Kajian Kes Di Mahkamah Syariah Pulau Pinang. Kajian tajuk ini telah membincangkan tentang perceraian fasakh menurut pandangan fuqaha' dan sejauhmana ianya berlaku di Mahkamah Syariah Pulau Pinang. Kajian ini menyentuh perceraian fasakh lebih luas dibandingkan dengan kajian penulis yang menyentuh pembubaran perkahwinan kerana *darar* dan *syiqāq* serta sejauhmana ianya berlaku di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- iii) Kamaruddin Wahab, Fasakh Perkahwinan Kerana Kecacatan: Satu Kajian Ke Atas Peruntukan Di Dalam Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979 (Pindaan 1984). Kajian tajuk ini telah membincangkan fasakh perkahwinan kerana kecacatan menurut pandangan fuqaha' dan peruntukannya di dalam Enakmen Keluarga Islam Kedah. Manakala dalam kajian penulis pula membincangkan pembubaran perkahwinan kerana *darar* yang merangkumi fasakh kerana kecacatan. Penulis pula membuat kajian ke atas peruntukan di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) berbanding dengan kajian di atas yang membuat kajian peruntukan ke atas Enakmen Keluarga Islam Kedah.
- iv) Rosnina Yusof, Perceraian Kerana Tidak Memberi Nafkah: Satu Kajian Di JAWI. Kajian tajuk ini telah membincangkan perceraian kerana tidak memberi nafkah menurut pandangan fuqaha' dan sejauhmanakah ianya dilaporkan ke pihak JAWI. Manakala penulis membincangkan pembubaran perkahwinan kerana *Darar* yang meliputi perceraian kerana tidak memberi nafkah. Penulis membuat kajian terus di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tanpa melalui pihak JAWI.

Daripada tajuk-tajuk latihan ilmiah dan tesis di atas menunjukkan persamaan dan perbezaan kajian penulis dengan kajian lepas dari sudut pembubaran perkahwinan kerana *darar* yang merangkumi aib, kecacatan, tidak memberi nafkah. Namun kajian penulis lebih luas daripada kajian lepas di atas. Bahkan penulis juga membuat kajian pembubaran perkahwinan kerana *syiqāq*.

Dari sudut kajian penulis di lokasi juga berbeza dengan kajian lepas. Penulis membuat kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.